

28/09/2002

AS belum jemu timbulkan kesangsian pada Malaysia

MEI lalu, dalam satu pertemuan bersejarah di Rumah Putih, Presiden George W Bush merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di atas kepemimpinan mahupun sokongan kuatnya dalam memerangi keganasan. Berlawanan dengan keadaan ketika kepemimpinan Ronald Reagan dan Bill Clinton, pentadbiran Bush menunjukkan bahawa ia berpandangan lebih positif terhadap Malaysia. Daripada sebuah negara yang kerap dikaitkan dengan pencabulan hak asasi manusia, pertemuan itu amat dialu-alukan dalam mengubah persepsi agar Malaysia tidak sewenang-wenangnya disalahertikan. Dalam soal memerangi keganasan dan menangani puncunya, sekurang-kurangnya pendirian Kuala Lumpur lebih dihormati sekalipun wujud percanggahan dan perbezaan pendapat dalam perkara tertentu.

Namun, Amerika tetap Amerika tanpa mengira siapa yang menerajui pemerintahannya. Dalam apa keadaan pun, kepentingannya saja yang didahulukan tanpa mengira jika ia menyebabkan ketidakadilan kepada negara lain. Malah, tindakan Amerika terhadap negara tertentu jelas menampakkan sikap berat sebelahnya. Pemimpinnya dengan sewenang-wenangnya menuding jari kepada mana-mana negara yang mahu dilabel sebagai melindungi pegganas atau menjadi sarang pegganas walaupun ia sendiri terang-terang menyokong kegiatan ganas Israel terhadap rakyat Palestin. Amerika mungkin mempunyai perspektif berbeza mengenai sesuatu isu tetapi ini tidak bermakna memberi lesen kepada negara itu untuk campur tangan dalam semua urusan negara lain. Dalam pada ia menuntut negara lain mematuhi pelbagai aturan dunia, Amerika bukanlah contoh terbaik untuk diteladani.

Dalam mengaitkan Malaysia dengan keganasan pula, pelbagai dalil diadadakan Amerika serta konco-konconya. Sejak serangan 11 September lagi, media yang dikuasai Amerika memperbesarkan dakwaan bahawa beberapa pegganas terbabit pernah berada di Malaysia. Kemudian, pelbagai ramuan ditambah kononnya Kuala Lumpur adalah markas mereka merancang serangan berkenaan. Apabila Amerika memulakan langkah membekukan akaun bank yang berkaitan dengan Al-Qaeda, Malaysia turut didakwa ada dalam senarai mereka. Dan ketika siasatan belum pun dimuktamadkan, kesimpulan sudah dibuat bagi menggambarkan sepucuk surat mengandungi bakteria antraks yang suatu ketika menggemparkan seluruh Amerika, datangnya dari negara ini. Seterusnya, apabila Malaysia disenaraikan antara 25 negara yang dikenakan syarat lebih ketat untuk mendapatkan visa lawatan ke Amerika, ia bukan lagi menghairankan.

Kini satu laporan terbaru menyebut petugas imigresen Amerika dibenarkan mengambil cap jari, gambar dan mengesan orang asing yang pernah melawat Malaysia dan Indonesia di setiap laluan masuk ke Amerika mulai 1 Oktober ini. Ia didasarkan kepada laporan perisikan Amerika kononnya semakin banyak bukti menunjukkan pelampau Islam di Malaysia dan Indonesia mengancam Amerika. 'Bukti' yang dimaksudkan ialah pengimportan dan jualan kitab Injil dalam bahasa Melayu diharamkan di Malaysia selain penganut Islamnya dilarang bertukar agama lain, termasuk Kristian. Dua kenyataan itu semata-mata tidak melayakkan rakyat Malaysia keseluruhannya ditakrif sebagai pegganas. Begitu juga kunjungan sesiapa saja ke negara ini tidak harus menjadikan mereka orang yang disyaki. Tetapi nampaknya Amerika sudah mempunyai tanggapannya sendiri dan enggan berganjak daripadanya.

Implikasi daripada langkah terbaru itu - jika dilaksanakan - amat besar. Tidak sekadar menjejaskan industri pelancongan negara, malah ia boleh

menakutkan pelabur yang turut mempunyai kepentingan perniagaan dengan Amerika, untuk mengunjungi Malaysia. Barangkali inilah yang dimahukan Amerika agar Malaysia sentiasa tunduk kepada telunjuknya. Bukan juga menghairankan jika ia adalah tindak balas kepada pendirian negara ini dalam mempersoalkan sesetengah dasar Amerika, sama ada dalam ekonomi, politik atau hubungan antarabangsa. Kelantangan Malaysia selama ini bukan tidak bertempat. Apatah lagi dalam mendepani ketidakadilan terbaru ini, Malaysia tidak harus diharapkan akan berdiam diri atau berpeluk tubuh.